



UCAPAN TETAMU KEHORMAT

**YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA IR. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI
GAFAR,
MENTERI PEMBANGUNAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

“MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL AAC & ACPE”

**DEWAN BETABUR, TINGKAT 1
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
HARI ISNIN, 26 SYAWAL 1440 / 01 JULAI 2019**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى الْمَوْلَى وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam serta Kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

- Yang Mulia, Arkitek Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin,
Timbalan Menteri Pembangunan
- Yang Berhormat Arkitek Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila
Jasa Haji Abd Rahman
Ahli Mesyuarat Negara Selaku Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan
Arkitek (PUJA), Brunei
- Yang Mulia, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin Bin Pehin Orang Kaya
Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria,
Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional)
Juga Penggerusi Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur
Bahan (BAPEQS) *Selaku penggerusi majlis*

- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia Ketua Pengarah Kerja Raya,
- Yang Mulia Ahli-ahli dan Pendaftar Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan
- Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan professional, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan taufik serta izin Nya juga membolehkan kita semua hadir beramai-ramai di majlis yang penuh berkebajikan pada petang ini iaitu majlis penyampaian sijil pengiktirafan dari *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer* kepada 6 orang ahli professional Negara kita.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurus dan ahli-ahli Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS) serta Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa BAPEQS yang bertanggung jawab bagi proses permohonan pendaftaran dan seterusnya mendapat pengiktirafan sebagai ***ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer*** bagi Negara Brunei Darussalam.

Pengiktirafan ini adalah berikutan dengan perkembangan perjanjian ASEAN *Mutual Recognition Agreement (MRA)* dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan Seni Bina dan Kejuruteraan, yang mengiktiraf para-para profesional daripada negara-negara ASEAN melalui pendaftaran sebagai *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer* yang mana Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada 20hb. November, 2007 dibawah *ASEAN Agreement Framework on Services (AFAS)*.

Objektif utama ASEAN *MRA* ini adalah untuk memudahkan mobiliti beberapa perkhidmatan profesional di antara negara-negara ASEAN yang menjadi satu teras utama kearah merealisasikan visi Komuniti ASEAN 2025. Dengan adanya *platform networking* di peringkat ASEAN ini, Lembaga Arkitek, Profesional Engineer dan JuruUkur Bahan (BAPEQs) Brunei, berpeluang untuk meningkatkan lagi pengetahuan mengenai pengawalseliaan perkhidmatan profesional, pertukaran maklumat dan *standard* amalan terbaik bagi profesi arkitek dan jurutera profesional dibidang pendidikan, kemahiran dan profesionalisma mengikut kelayakan masing-masing.

Dalam perkara ini saya dimaklumkan bahawa pihak lembaga berjaya mencapai banyak objektif *Mutual Recognition Arrangement* berkenaan dan akan terus memberikan kerjasama kepada rakan sejawat diperingkat ASEAN dalam pendaftaran, pertukaran maklumat mengenai Kemahiran dan Pendidikan yang berkaitan.

Alhamdulillah, di kalangan kita yang hadir pada petang ini adalah para profesional yang terdiri daripada *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer* yang mempunyai komitmen serta semangat yang tinggi dan berani untuk memperkembang-luaskan lagi usaha professionalisma mereka di rantau ASEAN.

Saya menyambut baik usaha sedemikian dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima sijil petang ini di atas pengiktirafan mereka diterima dan didaftarkan sebagai *ASEAN Architect* dan *ASEAN Chartered Professional Engineer*. Dengan ini, profesional yang berdaftar boleh bergabung di rantau ini setelah berdaftar sebagai *Registered Foreign Architects* iaitu RFA dan *Registered Foreign Professional Engineer* iaitu RFPE.

Saya yakin setiap profesional yang berdaftar di Negara ini turut mendokong menuju matlamat Wawasan Brunei 2035, melalui perkembangan kepakaran yang berterusan dan memberikan perkhidmatan profesional yang terbaik kepada orang ramai serta menjadi mentor kepada generasi masa depan yang setanding dengan para professional di negara luar dalam aspek teknikal dan kompetensi mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. InsyaAllah dengan usaha yang gigih dan semangat yang tinggi, hasrat dan aspirasi Negara dalam mengekalkan Kehidupan Berkualiti dengan Pembangunan Yang Berterusan ke arah Negara yang Makmur akan tercapai.

Menyentuh mengenai perkembangan dan pengetahuan yang terdapat di didalam perintah APEQs (peraturan 18), satu pindaan telah dibuat bagi keperluan *Continous Professional Education* - CPE yang dulunya perkiraannya berbeza mengikut disciplin masing-masing telah disejajarkan mengikut umur sahaja. Pindaan ini telah diwartakan pada 31hb. Disember 2018 dan telah diberikan kepada para QP dan profesional yang berdaftar.

Di kesempatan ini juga, saya sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi satu Pindaan Perintah APEQS mengenai Pendaftaran **khusus bagi 35 orang ahli tukang pelan** yang dulunya didaftarkan secara pentadbiran di Kementerian Pembangunan kini telah diiktiraf sebagai tukang pelan di bawah Lembaga APEQs. Dengan

pengiktirafan ini, kumpulan 35 orang ahli tukang pelan berkenaan dibenarkan untuk menyediakan pelan-pelan rumah bagi kos sedarhana rendah atau bersaiz kecil, rumah banglow dan rumah dua tingkat termasuk pengubahsuaian dalaman dan penambahan rumah mengikut garis pandu dan peraturan yang ditetapkan. Ini membolehkan orang ramai khususnya yang berpendapatan sederhana mampu untuk membina rumah kediaman mereka dengan menggunakan khidmat ahli tukang pelan yang diiktiraf dengan bayaran lukisan dan reka bentuk yang berpatutan.

Kepada 35 ahli tukang pelan berkenaan juga diingatkan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka dari masa kesemasa melalui *Continuous Education Points*, yang diperlukan oleh pihak BAPEQs dan sentiasa mematuhi peraturan dan garispanduan yang dikeluarkan oleh Lembaga BAPEQS, seperti kelakuan dan etika kerja mengikut *code of conduct and ethics*.

Hadirin hadirat sekalian,

Mengikut stastistik dari Lembaga BAPEQs, setekad ini sejumlah 184 profesional telah didaftarkan dibawah Lembaga ini; iaitu 57 Arkitek, 97 Jurutera Profesional dan 30 Juruukur Bahan. Dari jumlah tersebut, 111 orang telah diiktiraf sebagai *Qualified Persons QP* – yang terdiri daripada 44 Arkitek dan 67 Jurutera Profesional. Mereka ini diberi kebenaran untuk menyediakan dan menghadapkan pelan-pelan lukisan dan reka bentuk kepada pihak ABCi dan pihak Perancang (TCP).

Kebelakangan ini pihak Lembaga mendapati sebilangan QPs telah melanggar peraturan-peraturan dan etika profesional *code of conduct and ethics* yang telah disediakan. Tindakan yang tegas akan diambil keatas QPs yang

menyalahi dan tidak menepati peraturan-peraturan yang digariskan didalam *Building Control Order* dan *Code of Ethics*.

Saya menyeru supaya pihak Lembaga akan membuat pemantauan yang berterusan dan mengambil tindakan yang tegas keatas orang-orang yang menyalahi Perintah APEQs tanpa teragak-agak, demi memelihara kesejahteraan dan kepentingan orang ramai.

Hadirin hadirat sekalian,

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak BAPEQS yang telah dapat menyediakan pendaftaran secara *online* yang akan dilancarkan pada petang ini. Kemudahan seperti ini sesuai dengan perkembangan semasa dan berharap supaya usaha-usaha seperti ini akan dapat diteruskan untuk memudahkan cara orang awam dalam berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Saya juga telah difahamkan bahawa BAPEQS telah mengiktiraf *Professional Assessment Route Two (2)*, iaitu disiplin kejuruteraan dan ukur bahan yang akan dilaksanakan oleh Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei. Dengan adanya route (2) ini melalui PUJA (Brunei), para jurutera akan mempunyai peluang untuk mencapai kompetensi sebagai seorang profesional dengan menggunakan route atau kaedah ini. Syabas dan tahniah kepada PUJA Brunei.

Saya yakin dengan adanya pengiktirafan ini akan menambah lagi integriti dan kredibiliti PUJA (Brunei) dan keahlian-nya, dibidang profesional peringkat Kebangsaan dan Antarbangsa didalam bidang industri pembangunan di Negara kita dan di Rantau ini - amnya.

Akhirkata, marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha dengan lebih gigih dan bersunguh-sunguh dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai disegi profesionalisma dan sama-sama menjalankan tanggung-jawab dan amanah yang diberikan kepada kita sebagai seorang profesional demi menjaga imej profesi, keselamatan dan kesejahteraan orang ramai, khususnya penduduk di Negara Brunei Darussalam ini.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.